

# Mandat rakyat meluas sangat perlu — PM

KUALA LUMPUR 21 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, prasyarat utama untuk membangunkan politik, ekonomi, sosial dan budaya sesebuah negara ialah kewujudan sebuah kerajaan yang mendapat mandat seluas mungkin daripada rakyatnya.

Menurut Perdana Menteri, dengan mandat yang kuat daripada rakyat, kerajaan dapat melaksanakan pelbagai program pembangunan di setiap bidang dengan yakin serta memastikan setiap program dapat dilaksanakan dengan sokongan serta sokongan bulat daripada sebahagian besar rakyatnya.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, berdasarkan cabaran getir yang akan dihadapi oleh negara dalam dekad-dekad akan datang, rakyat harus sentiasa berwaspada untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan keutuhan sesama mereka.

Ini kerana katanya, sekalipun perang dingin telah berakhir dan perang nuklear tidak lagi mengancam manusia tetapi penjajahan dalam bentuk baru masih belum lagi berkubur.

“Dunia masih menghadapi berbagai-bagai ujian dan cabaran baru yang seumpamanya belum pernah kita hadapi di masa lalu.

“Sekiranya kita tidak waspada memperkukuhkan perpaduan dan keutuhan kita sebagai suatu bangsa yang dalam proses membangun maka segala kemajuan kita yang diperjuangkan dengan begitu susah payah selama ini tidak mustahil akan menjadi sia-sia sahaja,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata bertajuk *Konvensyen Barisan Nasional* sempena Konvensyen BN yang pertama di PWTC pada Sabtu ini.

Sehubungan itu, Pengeru-

si BN mahukan rakyat agar tidak alpa melainkan berusaha terus dengan gigih agar dapat membangun dan mencapai cita-cita bersama iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang setanding dengan negara-negara maju lain.

“Kita harus berani meninggalkan prejudis-prejudis kita masa lalu. Kita harus berani menyesuaikan diri untuk menyahut cabaran masa kini dan masa depan.

“Amalan-amalan yang usang, yang boleh menghalang kita memburu kemajuan hendaklah kita tinggalkan,” tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, negara yang kini berada di ambang zaman yang serba mencabar menuntut setiap rakyatnya berani menghadapi perubahan itu dengan minda terbuka sedia menghadapi cabaran.

Selain itu, katanya, kejayaan pembangunan Malaysia hari ini adalah berdasarkan kepada falsafah pengagihan kuasa yang saksama di antara parti politik etnik yang diamalkan oleh BN.

Pengerusi BN itu berkata, berdasarkan perpaduan dan ikatan persaudaraan antara berbagai kaum di negara ini, setiap rakyat yakin bahawa proses integrasi bangsa hanya boleh diselenggarakan dan dilaksanakan berdasarkan program politik, ekonomi, sosial dan budaya realistik serta pragmatis yang menghormati kepentingan tiap golongan dan kelompok.

“Tidak ada satu golongan etnik dominan yang menguasai golongan atau kelompok etnik yang lain.

Dr. Mahathir juga yakin BN sebagai sebuah ikatan berbagai parti politik tidak akan mempunyai erti apa-apa tanpa tidak bersandar dan tegak atas satu sistem demokrasi berparlimen atau atas dasar kebebasan untuk rakyat menyertai satu pilihanraya umum yang bebas dan demokratik.